

DOFOMIN TABLET®

Disomine / Hesperidine (450mg / 50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dofomin
2. Bagaimana Dofomin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dofomin
4. Cara menggunakan Dofomin
5. Semasa menggunakan Dofomin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dofomin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dofomin

Dofomin mengandungi bahan aktif dikenali sebagai micronized purified flavonoidic fractions (bersamaan dengan 450mg Disomine dan 50mg Hesperidine).

Dofomin digunakan untuk merawat buasir dan tanda-tanda serta simptom-simptom keadaan vena yang kronik seperti kaki kebas, kejang, sakit dan bengkak disebabkan oleh penyekatan air.

Bagaimana Dofomin berfungsi

Dofomin berfungsi untuk mengurangkan bengkak (keradangan) dan mengembalikan fungsi urat kepada normal.

Sebelum menggunakan Dofomin

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil Dofomin sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan bahan aktif Dofomin atau kepada bahan-bahan lain dalam Dofomin.

Sebelum mula menggunakan Dofomin

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai alahan terhadap apa-apa ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda

atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan.

Walau bagaimanapun, setakat ini belum terdapat sebarang interaksi di antara Dofomin dengan ubat-ubat yang lain.

Semasa mengandung dan menyusu bayi

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum anda mula mengambil sebarang ubat-ubatan.

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat pengambilan Dofomin ketika mengandung dan menyusu bayi.

Cara menggunakan Dofomin

Sentiasa ambil Dofomin sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Penyakit vena dan buasir yang kronik

Dos permulaan biasa adalah dua biji tablet sehari diambil dengan makanan dalam dua dos berasingan.

Serangan buasir yang teruk:

Dos permulaan biasa adalah tiga biji tablet diambil dengan makanan dalam dua dos berasingan selama empat hari, diikuti dengan dua biji tablet dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk

dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Ketidakselesaan gastro-usus yang minor mungkin dapat dilihat sekiranya anda terlebih dos.

Semasa menggunakan Dofomin

- Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Dofomin. Sekiranya anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Dofomin, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Dofomin.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Dofomin tanpa merujuk kepada doktor anda. Adalah amat penting untuk tetap mengambil ubat anda walaupun anda sudah sihat.
- Jangan mengambil Dofomin selepas melebihi tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dalam episode buasir yang teruk, rujuk doktor anda sekiranya simptom-simptom buasir tidak hilang dalam masa dua minggu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Dofomin boleh mengakibatkan kesan sampingan kepada pesakit, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda perasan sebarang tanda-tanda berikut yang merisaukan anda:

- Ketidakeselesaan gastro-usus yang minor.
- Masalah minor pada sistem saraf.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda perasan reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dofomin

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering di bawah suhu 30°C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Dofomin adalah tablet jingga, berbentuk bujur, dwicembung filem bersalut dengan pembelahan pada satu muka.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi *micronized purified flavonoidic fractions* (Disomine 450mg, hesperidine 50mg).

- Bahan tidak aktif

Iron oxide yellow, glycerin, magnesium stearate, sodium lauryl sulfate, microcrystalline cellulose, sodium starch glycolate, gelatin, titanium dioxide, iron oxide red, polyethylene glycol, talc, hydroxypropylmethylcellulose.

- Bungkus

Dofomin boleh didapati dalam 30, 50, 100 atau 500 biji tablet dalam setiap kotak.

- Nombor MAL

MAL06021257X

Pengilang

T.O Chemicals (1979) Ltd.
280 Soi Sabajai Suthisarn Rd.,
Bangkok 10310,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/08/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)080817/00196